

CNJ - 13461

9/08  
17/7



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KEBERKESANAN KURSUS PRA-PERKAHWINAN :  
KAJIAN KES DI SEKITAR BANDARAYA KUCHING**

**OLEH :**

<b>NOOR ASMAH BT. BUJANG</b>	<b>96313673</b>
<b>IZZAH ZAKIRAH @ ZELIJAH BT. CHE ' SAID</b>	<b>96313833</b>
<b>SHARIFAH MAIMUNAH BT. HAJI WAN MOHD. ZEN</b>	<b>96025964</b>

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak  
Untuk memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi  
Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**APRIL 2001**

## **ABSTRAK**

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan kursus pra-perkahwinan ke atas pasangan-pasangan yang hendak berkahwin di sekitar bandaraya Kuching. Satu set soal selidik dan juga temubual digunakan untuk meminta pandangan serta data-data responden mengenai keberkesanan terhadap kursus tersebut.

Disamping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbandingan antara cara temuduga dan kursus tersebut. Penyelidikan ini mendapati keberkesanan terhadap kursus tersebut adalah tinggi. Menurut sumber dari pihak JAIS lagi, cara temuduga itu kurang memberi penekanan terhadap tanggungjawab suami isteri yang harus dipikul oleh pasangan yang akan berkahwin. Ini dapat dilihat dari segi peratus penceraian seperti yang tertera didalam lampiran. Kaedah penyelidikan yang menggunakan peratusan diaplifikasi dalam penyelidikan ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
SURAT PENYERAHAN TUGAS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3 - 4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Hipotesis Kajian	6
1.6 Andaian Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
<b>BAB 2 ULASAN KARYA</b>	
2.1 Pengenalan	10 – 11
2.2 Perkembangan Kursus Pra-Perkahwinan	11
2.3 Fungsi Kursus Pra-Perkahwinan	11
2.4 Mengantipasi Pelbagai Aspek Hidup Berumahtangga	12
2.5 Kepentingan Di Dalam Mengenalpasti Tingkahlaku Pasangan	12
2.6 Kehidupan Yang Harmoni Dan Bahagia	12
2.7 Persiapan Mental Bakal Pengantin	13

---

## **KEBERKESANAN KURSUS PRA-PERKAHWINAN : KAJIAN KES DI SEKITAR BANDARAYA KUCHING**

---

### **BAB 1**

#### **PENGENALAN**

##### **1.1 LATARBELAKANG KAJIAN**

Kursus pra-perkahwinan ini mula diperkenalkan di Sarawak amnya di bandaraya Kuching sejak tahun 1993, di mana kursus ini diperuntukkan khas kepada pasangan-pasangan Islam yang akan berkahwin yang telah cukup syarat-syaratnya.

Ia juga bertujuan memdedahkan bagaimana pasangan-pasangan tersebut mencapai matlamat perkahwinan menurut perspektif Islam sebenarnya. Disamping itu juga ia merupakan suatu usaha pihak JAIS menangani kes-kes penceraian di kalangan pasangan-pasangan berkahwin seperti data-data yang didapati dari pihak Majlis Islam Negeri Sarawak.

Pada umumnya, kajian ini dihasilkan untuk mengetahui bagaimana persepsi pasangan terhadap kursus pra-perkahwinan dan adakah persepsi tersebut mampu mempengaruhi kehidupan berumahtangga mereka.

Ia juga menjurus kepada aspek sama ada kursus pra-perkahwinan yang dijalankan oleh pihak Majlis Agama Islam Sarawak berkesan di dalam membentuk satu keluarga bahagia di kalangan pasangan-pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga.

## BAB 2

### ULASAN KARYA

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan bagaimana kewujudan kursus pra-perkahwinan ini terus diterima pakai sebagai saluran ilmu pengetahuan alam rumahtangga perkahwinan. Keluarga adalah unit pertama dan institusi pertama yang mempunyai peranan yang besar di dalam masyarakat. Disitulah terbentuknya tahap-tahap awal pemasyarakatan dan mulai interaksi dengannya, ia memperoleh pengetahuan, ketrampilan, minat, nilai-nilai emosi dan sikapnya dalam hidup. Dengan itu ia memperoleh ketenteraman dan ketenangan.

Justeru ibu dan bapa perlu benar-benar mendalamai ilmu dan kemahiran berhubung dengan kekeluargaan agar unit keluarga yang telah dibina berfungsi membentuk sahsiah seseorang ke tahap kecerdasan dan kemuliaan hidup yang setinggi-tingginya.

Dan dalam hal ini ibu bapa, suami isteri tidak harus mempunyai tanggapan bahawa menjadi seorang ibu atau bapa adalah satu proses semulajadi yang tidak memerlukan persediaan tertentu. Terlalu ramai bakal-bakal pengantin hanya belajar untuk menjadi ibu secara ‘ad-hoc’ atau mengikut pengalaman masing-masing. Ada pula belajar dari buku-buku yang kadang-kala mengemukakan pendapat-pendapat yang bertentangan yang sering mengelirukan. Oleh kerana itu maka pihak JAIS telah menganjurkan kursus